



PUSTAKA NEGERI SARAWAK
KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

Bil	Keterangan Aset Alih	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti (Unit)	Lokasi Aset Alih	Harga Simpanan (RM)	Deposit Tender (RM)
1.	Honda Accord 2.4L i-VTEC (A)	QAA 1100N	1	Pustaka Negeri Sarawak	20,000	10% daripada Harga Tawaran

*Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **30 Jun 2026 hingga 2 Julai 2026** di antara jam **10:00 pagi hingga 4:00 petang** di:

Pustaka Negeri Sarawak
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Petra Jaya
Kuching, Sarawak.

3. Tender akan ditutup pada **16 Julai 2026 jam 12.00 tengah hari**.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan atau 120 hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan di tanda dengan No. Tender PUSTAKA/HA/3/2026 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di Alamat kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Petra Jaya
Kuching, Sarawak.

6. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

6.1 Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

6.2 Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk cek atas nama **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**.

6.3 Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.

6.4 Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).

6.5 Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.

6.6 Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

6.7 Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.

6.8 Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.